

12 SEP 2003

Bajet-Pelancongan

RM215 JUTA UNTUK PROMOSI PELANCONGAN

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM215 juta bagi mempromosi industri pelancongan dengan menumpukan kepada pasaran serantau, khususnya China, Taiwan, Hong Kong, India dan negara-negara Asean.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata, promosi juga akan dilipat gandakan di pasaran Asia Barat serta pasaran baru yang berpotensi seperti Pakistan, Indonesia, China dan New Zealand.

Selain itu, kerajaan akan terus berusaha meningkatkan promosi pelancongan yang lebih berkesan bersama-sama Penerbangan Malaysia (MAS) dan Air Asia serta agensi pelancongan swasta, katanya ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata bagi tujuan ini, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) akan disusun semula untuk memastikan semua program pemasaran dan komunikasi dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan teliti.

Kerajaan juga telah menyediakan dana sejumlah RM1.1 bilion, iaitu RM400 juta di bawah Tabung Khas Pelancongan dan RM700 juta di bawah Tabung Infrastruktur Pelancongan yang diuruskan oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB).

Beliau berkata keutamaan akan diberikan kepada pembiayaan pembangunan produk baru pelancongan dan bagi meningkatkan keberkesanannya. Kerajaan melalui Kementerian Kewangan akan memantau pelaksanaan daripada segi kelulusan dan pengeluaran dana-dana itu.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus memberi Galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan kali kedua bagi menggalakkan pengusaha industri pelancongan, termasuk hotel, untuk melaksanakan program pembesaran, permodenan dan pengubahsuaian.

Dalam pada itu, semua pengusaha hotel harus bergabung dan mewujudkan pusat maklumat pelancongan di semua pintu masuk negara, termasuk lapangan terbang serta stesen keretapi utama bagi membolehkan pelancong membuat tempahan bilik hotel pelbagai bintang semasa ketibaan, selain menyediakan kemudahan tempahan secara online.

"Kerajaan akan membangunkan portal bagi tujuan ini dan akses kepada portal ini akan disediakan di lapangan terbang, stesen keretapi dan perhentian bas utama di seluruh negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, sebelum ini, sektor pelancongan negara, terutama yang membabitkan pengusaha hotel dan agensi pelancongan telah terjejas dengan ketara berikutan perang di Iraq dan wabak SARS.

Dr Mahathir berkata, bagi mengatasi masalah itu, kerajaan telah melaksanakan Pakej Strategi Baru termasuk menangguhkan pembayaran ansuran cukai pendapatan agensi pelancongan, memberi diskaun elektrik kepada pengusaha hotel dan menyediakan "Special Relief Guarantee Facility" bagi mengurangkan beban kewangan peminjam.

Katanya, kerajaan turut menyediakan kemudahan mikro kredit bagi penjaja kecil untuk membolehkan mereka menggantikan gerai usang atau membeli kereta sorong baru yang diperbuat daripada aluminium atau stainless steel, kanopi berwarna dan kerusi meja yang lebih sempurna seperti yang terdapat di Bintang Walk, Kuala Lumpur.

Beliau berkata kerajaan akan menetapkan supaya penjaja menggunakan gerai atau kereta sorong yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan.

-- BERNAMA

SBB MFJ PR